

Melayu: Umno sedia jumpa Pas, Keadilan

BH 25 DEC 2000

ALOR STAR, Ahad— Umno bersedia memulakan inisiatif mengadakan perbincangan dengan Pas dan Parti Keadilan Nasional berhubung perpaduan orang Melayu jika keadaan memerlukannya berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pada masa ini usaha berkenaan tidak perlu kerana perpecahan bukan berpunca daripada Umno, sebaliknya di-

mulakan pihak lain.

“Saya fikir tak semestinya membabitkan parti politik... orang Melayu sudahlah... orang Melayu jumpalah (bincang),” katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Ditanya sama ada Umno perlu memulakan inisiatif mengadakan perbincangan dengan Pas dan Keadilan, Dr Mahathir berkata: “Kita fikir tengoklah, kalau sua-

sana mengizinkan... boleh.”

Kepada soalan bahawa perpecahan orang Melayu berpunca daripada perbezaan fahaman politik, Perdana Menteri menjawab:

“Kita tak nak perpecahan dengan siapa-siapa... orang lain yang nak pecah. Kita selalu mengusulkan perpaduan, yang mengusulkan perpecahan orang lain,” katanya.

Dr Mahathir diminta mengu-

las mengenai pandangan ahli akademik baru-baru ini supaya diadakan musyawarah di kalangan tiga parti Melayu utama - Umno, Pas dan Keadilan bagi merencanakan perpaduan dan masa depan Melayu.

Antara mereka ialah Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Ahmad Fauzi Basri yang menyatakan masa depan orang Melayu dalam alaf baru lebih

penting daripada kepentingan parti politik.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Sri Perdana, Putrajaya, malam tadi.

Katanya, mesyuarat itu bertujuan membincangkan masalah parti yang agak serius.

“Tidak ada keputusan khas... cuma cakap pasal masalah

LIHAT MUKA 2

Masa depan Umno dibincang

DARI MUKA 1

BH 25 DEC 2000

dalam Umno, tak ada apa... tak ada kena mengena dengan orang lain,” katanya.

Ditanya, sama ada masalah itu benar-benar serius, sambil berseloroh, Dr Mahathir berkata:

“Saya tidak tahu macam mana hendak ukur, masalah itu serius juga,” katanya sambil menunjukkan tangan pada paras dada untuk menunjukkan tahap seriusnya masalah itu.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga membincangkan mengenai masa depan Umno dan penyusunan gerak kerja parti.

Mesyuarat tiga jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi dan tiga Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak; Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu berkata jawatan Ketua Penerangan Umno bahagian itu yang dikosongkan oleh Datuk Shuib Endut, akan diisi seberapa segera.

“Kita akan letak orang lain. Kita sedang fikir ketika ini,” katanya.

Shuib, 61, mengosongkan jawatan yang disandanginya selama enam tahun itu untuk memberi laluan kepada golongan muda.